




Daud 2





© 2021 Comic Bible Society, LLC





RAJA SAUL
MEMBUNUH BERIBU-
RIBU ORANG
MUSUH

... TETAPI
DAUD MEMBUNUH
BERPULUH-PULUH
RIBU ORANG
MUSUH.



RAJA SAUL
MEMBUNUH BERIBU-
RIBU ORANG
MUSUH

... TETAPI
DAUD MEMBUNUH
BERPULUH-PULUH RIBU
ORANG MUSUH.

DAUD DIANGGAP
MEMBUNUH BERPULUH-
PULUH RIBU ORANG MUSUH,
SEDANGKAN BETA HANYA
DIANGGAP MEMBUNUH
BERIBU-RIBU ORANG
MUSUH.

TIDAK LAMA LAGI
MEREKA AKAN JADIKAN
DIA RAJA!

DAN SEJAK HARI ITU, RAJA SAUL
IRI HATI TERHADAP DAUD.

TIBA-TIBA RAJA SAUL DIRASUK ROH JAHAT DARI ALLAH,
SEHINGGA BAGINDA MENGAMUK SEPERTI ORANG GILA.



PADA MASA ITU, DAUD SEDANG BERMAIN KECAPINYA
SEPERTI BIASA UNTUK MENENANGKAN RAJA DAN
SEMUA ORANG DI ISTANA RAJA.



TETAPI TINGKAH LAKU RAJA
SAUL MENJADI SEMAKIN
GANAS.



TETAPI TUHAN
MENYERTAI DAUD --



RAJA SAUL TAKUT
DENGAN DAUD KERANA
TUHAN MENYERTAI
DAUD - DAN TUHAN
SUDAH MENINGGALKAN
RAJA SAUL.



JADI RAJA SAUL MEMINDAHKAN DAUD DARI LINGKUNGAN ISTANA DAN MELANTIKNYA MENJADI KETUA PASUKAN SERIBU ORANG ASKAR.

SAUL TIDAK MELIHAT DAUD SEBAGAI SEBUAH RAHMAT KEPADA ISREAL, DISEBALIKNYA, MELIHATNYA SEBAGAI SUATU ANCAMAN.



DIA MAHU MENGASINGKAN DAUD DARIPADANYA – DAN CUBA UNTUK MEMBIARKAN DIA DIBUNUH DALAM PERTEMPURAN.




TETAPI SEMUA YANG DAUD LAKUKAN, DIA MELAKSANAKAN SEGALANYA DENGAN KEJAYAAN KERANA TUHAN MENYERTAINYA.

RAJA SAUL MEMPERHATIKAN KEJAYAAN DAUD, DAN HAL ITU MENJADIKANNYA BERTAMBAH TAKUT DENGAN DAUD.



TETAPI SEMUA PERTEMPURAN ITU HANYA MENUNJUKKAN KEUPAYAAN DAUD UNTUK MEMIMPIN DAN JUGA MENUNJUKKAN KEBERANIANNYA – KEMENANGANNYA HANYA MENGUKUHKAN PERASAAN KASIH SAYANG PENDUDUK ISREAL KEPADA DAUD.

SAUL PERCAYA BAHAWA DAUD ADALAH
ANCAMAN KEPADA TAKHTANYA, JADI DIA
MERANCANG SUATU PELAN...



ANAKKU, ENKAU
TELAH BERKHIDMAT
KEPADAKU DENGAN SETIA.
BETA INGIN MENJADIKAN
ENKAU SEBAHAGIAN
DARIPADA KELUARGA
DIRAJA-KU.



INI ANAK
PEREMPUAN
SULUNGKU,
MERAB.



BETA AKAN
KAHWINKANNYA DENGAN ENKAU,
ASALKAN KAMU BERKHIDMAT KEPADA
BETA SEBAGAI ASKAR YANG BERANI, TAAT,
DAN YANG BERPERANG UNTUK TUHAN.

TETAPI SIAPALAH HAMBA INI, DAN SIAPALAH KELUARGA
BAPA HAMBA DI ISRAEL SEHINGGA HAMBA SANGGUP
MENJADI MENANTU TUANKU?



ENKAU ADALAH PAHLAWAN
YANG TUHAN GUNAKAN. BETA SELALU DENGAR
TENTANG KEBERANIANMU. BETA PERLUKAN
SEORANG LELAKI SEPERTI KAMU DI DALAM
TENTERA-KU – DAN DI DALAM KELUARGA BETA.

SAYA TIDAK AKAN
MEMBUNUHNYA SENDIRI.
SAYA AKAN BIARKAN
ORANG FILISTIN
MEMBUNUHNYA.





TETAPI APABILA TIBA MASANYA UNTUK MERAB BERKAHWIN DENGAN DAUD, SAUL MENYERAHKANNYA KEPADA SEORANG LELAKI YANG LAIN.



TETAPI DAUD TETAP PERCAYA DENGAN RANCANGAN TUHAN. WALAUPUN SELEPAS RAJA TIDAP MENEPATI JANJINYA, DAUD TERUS BERKHIDMAT KEPADA SAUL DENGAN SETIA.



RAJAKU, IZINKAN HAMBAMU BERCAKAP?




TUANKU MASIH MEMPUYAI PELUANG UNTUK MEMERHATI DAUD DENGAN TELITI.



ANAK PEREMPUAN TUANKU, PUTERI MIKHAL, SUDAH JATUH CINTA DENGAN DAUD.



AKU AKAN MEMBERI MIKHAL KEPADA DAUD SUPAYA DAUD AKAN TERPERANGKAP DAN AKAN DIBUNUH OLEH ORANG FILISTIN.




NAIKLAH.



TUANKU TELAH
MINTA 100 KULIT KHATAN
TETAPI HAMBAMU
TELAH MEMBAWA 200 -
SEBAGAI TANDA HORMAT
KEPADA TUANKU.



SAUL MENEPAJI JANJINYA KALI INI. TETAPI APABILA SAUL SEDAR
BAHAWA TUHAN MENYERTA DAUD DAN MIKHAL DAN PUTERINYA
SANGAT MENCINTAI DAUD, SAUL MENJADI MAKIN GELISAH.



RAJA SAUL SEMAKIN TAKUT DENGAN DAUD
DAN DIA MEMUSUHI DAUD SEPANJANG UMURNYA.



SETIAP KALI TENTERA FILISTIN MELANCARKAN SERANGAN,
DAUD BERJAYA MENGALAHKAN MEREKA BERBANDING DENGAN
PARA PEGAWAI RAJA SAUL YANG LAIN. TINDAKAN ITU
MENJADIKAN DAUD SEMAKIN TERKENAL.





PERASAAN CEBURU SAUL MENJADI SEMAKIN MEMBARA...

BAWA DAUD MENGHADAP BETA PETANG INI.

BETA TELAH MENGARAHKAN PENGAWAL BETA UNTUK MEMBUNUHNYA. DIA TELAH MENGANCAM TAKHTAKU.



BAPAKU SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMBUNUH KAMU. ESOK PAGI BERHATI-HATILAH; SEMBUNYILAH DI SUATU TEMPAT RAHSIA DAN TINGGAL DI SITU.

AKU AKAN PERGI KE PADANG BERSAMA BAPAKU DAN BERTIRI DEKAT TEMPAT KAMU BERSEMBUNYI.

AKU AKAN BERCAKAP DENGAN DIA TENTANG KAMU DAN JIKA AKU MENGETAHUI APA-APA, AKU AKAN BERITAHU KAMU.



AYAH, JANGANLAH CELAKAKAN DAUD, HAMBA AYAH. DIA TIDAK BUAT APA-APA KESALAHAN TERHADAP AYAH; SEBALIKNYA, DIA BANYAK BERJASA KEPADA AYAH.

DIA TELAH PERTARUHKAN NYAWANYA KETIKA DIA MEMBUNUH GOLIAT, DAN TUHAN TELAH MEMBERIKAN KEMENANGAN BESAR KEPADA ISRAEL. AYAH SENDIRI TELAH MENYAKSIKANNYA, DAN AYAH GEMBIRA PADA WAKTU ITU.



MENGAPA SEKARANG AYAH HENDAK MENGANIAYA SEORANG YANG TIDAK BERSALAH, DAN MAHU MEMBUNUH DAUD TANPA SEBAB?

SAYA BERSUMPAH DEMI TUHAN, DAUD TIDAK AKAN DIBUNUH.

KEMUDIAN YONATAN MEMANGGIL DAUD DAN BERITAHUNYA SEMUA PERBUALANNYA DENGAN SAUL.



YONATAN MEMBAWA DAUD KEPADA RAJA SAUL, DAN DAUD BERKHIDMAT SEMULA KEPADA RAJA SAUL SEPERTI DULU.

TETAPI TENTERA FILISTIN
TIDAK BERPUTUS ASA.



TETAPI DAUD MENYERANG DAN MENGALAHKAN
ORANG FILISTIN SAMA SEKALI SEHINGGA
MEREKA MELARIKAN DIRI.

SELEPAS KEMENANGAN ITU, DAUD KEMBALI
KE ISTANA SAUL SEPERTI DULU.




TETAPI CEMBURU DAN DENGKI
SESEORANG TIDAK AKAN UBAH
KECUALI KALAU ORANG ITU INSAF.



SEKALI LAGI SAUL DIRASUK OLEH
ROH JAHAT UNTUK MENGHASUT DAUD.



THUNGG



SEKARANG
SAYA HARUS
MELARIKAN
DIRI.



SAUL TIDAK
AKAN BERHENTI
SEHINGGA SAYA
MATI.







SELEPAS DAUD MELARIKAN DIRI DARIPADA SAUL, DIA PERGI KEPADA SAMUEL DI RAMA. DAUD BERITAHU SAMUEL SEGALA YANG RAJA SAUL LAKUKAN TERHADAPNYA.



RAJA SAUL DIBERITAHU BAHAWA DAUD BERADA DI NAYOT, DEKAT RAMA. OLEH ITU RAJA SAUL MENYURUH BEBERAPA ORANG KE SANA UNTUK MENANGKAP DAUD DAN MEMBAWANYA BALIK SUPAYA SAUL DAPAT MEMBUNUHNYA.



DI KOTA YANG DAUD TELAH MELARIKAN DIRI, TERDAPAT SEKUMPULAN NABI YANG DIPIMPIM OLEH SAMUEL.



NABI-NABI INI MENGISYTIHARKAN FIRMAN TUHAN DENGAN IRINGAN ALAT-ALAT MUZIK.

PARA UTUSAN SAUL MEMASUKI BANDAR ITU UNTUK MENANGKAP DAUD TETAPI SUATU PERKARA YANG ANEH BERLAKU...





TUHAN
BERFIRMAN KEPADA
SETIAP ORANG UNTUK
MENGHADAPNYA
DENGAN RENDAH
HATI.
... DAN
MENGHORMATINYA

PARA UTUSAN RAJA SAUL DIKUASAI OLEH ROH ALLAH, DAN
MEREKA PUN MULA MENGISYTIHARKAN FIRMAN TUHAN DAN
BERCAKAP TENTANG KEAJAIBAN ALLAH.



SELEPAS KALI KETIGA TENTERA SAUL GAGAL
MENANGKAP DAUD, RAJA SAUL SENDIRI BERANGKAT
KE RAMA – TETAPI APABILA DIA SAMPAI DI SANA,
BAGINDA JUGA DIKUASAI OLEH ROH ALLAH.



TETAPI TUHAN MENERAKKAN
HATI SAUL DENGAN MENDALAM.



ALLAH ADALAH
TUHAN YANG ADIL
DAN BENAR YANG
MENCIPTA SEMUA
UMAT MANUSIA.
DIA SEORANG
YANG LAYAK MENERIMA
PENGHORMATAN
DAN PUJIAN.



ADAKAH SAUL
JUGA MENJADI
SEORANG NABI?

SAUL MENANGGALKAN
JUBAH DIRAJA DAN
PERISAINYA DAN BARING –
MERENDAHKAN DIRINYA
KEPADA TUHAN.

OLEH SEBAB SAUL DAN TENTERANYA BERADA DI BANDAR DI MANA DAUD BERSEMBUNYI, DAUD MELARIKAN DIRI UNTUK BERJUMPA DENGAN YONATAN.

APA YANG SUDAH AKU LAKUKAN? APA KESALAHANKU? APA DOSAKU TERHADAP BAPAMU SEHINGGA DIA HENDAK MEMBUNUH AKU?

DEMI ALLAH, ENKAU TIDAK AKAN DIBUNUH!

BAPAKU SELALU BERITAHU AKU SEGALA RANCANGANNYA, YANG MUSTAHAK MAHUPUN YANG TIDAK MUSTAHAK.

DIA TIDAK PERNAH MERAHSIAKAN APA-APA PUN TERHADAP AKU. PERKARA ITU TIDAK BENAR!

BAPAMU TELAH KATAKAN KEPADA DIRINYA, "YONATAN TIDAK BOLEH TAHU TENTANG PERKARA INI, JIKA TIDAK, DIA AKAN BERSEDIH."

AKU BERSUMPAH DEMI TUHAN YANG HIDUP BAHAWA SESUNGGUHNYA HIDUPKU DIANCAM MAUT!

AKU AKAN MELAKUKAN APA SAJA PERMINTAANMU.

ESOK PERAYAAN BULAN BARU DAN AKU SEPATUTNYA MAKAN BERSAMA RAJA. TETAPI JIKA KAMU SETUJU, AKU AKAN PERGI BERSEMBUNYI DI PADANG.

JIKA BAPAMU BERTANYA MENGAPA AKU TIDAK HADIR, KATAKANLAH KEPADANYA, "DAUD SUDAH MEMOHON IZIN UNTUK SEGERA PULANG KE BETLEHEM, UNTUK UPACARA MEMPERSEMBAHKAN KORBAN TAHUNAN BAGI SEMUA ANGGOTA KELUARGANYA."

JIKA RAJA MURKA, KETAHUILAH BAHAWA RAJA SUDAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENCEDERAKAN AKU.



AKU MINTA
PERTOLONGANMU
KERANA KITA SUDAH
MENGIKAT PERJANJIAN
DI HADAPAN TUHAN.

NAMUN JIKA AKU
BERSALAH, BUNUHLAH
AKU! TETAPI JANGAN
SERAHKAN AKU
KEPADA BAPAMU.

JANGAN KHUATIR!
JIKA AKU TAHU DENGAN
PASTI BAHAWA BAPAKU
SUDAH BERTEKAD UNTUK
MENCEDERAKAN ENKAU,
SUDAH TENTU AKU AKAN
BERITAHU ENKAU.



SIAPA YANG
AKAN BERITAHU
AKU JIKA BAPAMU
MURKA?

MARI KITA
KE PADANG.



SEMOGA TUHAN, ALLAH ISRAEL MENJADI
SAKSI KITA. ESOK ATAU LUSA KIRA-KIRA
PADA WAKTU INI, AKU AKAN BERUSAHA
UNTUK MENGETAHUI ISI HATI
BAPAKU!

JIKA DIA BERSIKAP
BAIK TERHADAPMU,
AKU AKAN MENGIRIM
KHBAR KEPADAMU.

TETAPI JIKA DIA
BERNIAT UNTUK
MENCELAKAKAN ENKAU,
BIARLAH TUHAN MEMBUNUH
AKU JIKA AKU TIDAK
MEMBERITAHUKAN HAL ITU
KEPADAMU DAN
MENVELAMATKAN
ENKAU.

SEMOGA TUHAN
MENYERTAI ENKAU
SEBAGAIMANA DIA
MENYERTAI BAPAKU
DAHULU.



JIKA AKU MASIH HIDUP, INGATLAH AKAN PERJANJIAN KITA
DI HADAPAN TUHAN DAN SETIALAH KEPADAKU, TETAPI JIKA
AKU SUDAH TIADA, TUNJUKKAN KESETIAANMU TERHADAP
KETURUNANKU SELAMA-LAMANYA... SETELAH TUHAN
MEMBINASAKAN SEMUA MUSUHMU...



JIKA ENKAU
TIDAK HADIR ESOK,
ORANG AKAN TAHU KERANA
TEMPATMU AKAN KOSONG
DI MEJA MAKAN.

PERGILAH
KE TEMPAT
PERSEMBUNYIANMU
DAHULU DI BELAKANG
TIMBUNAN BATU - AKU AKAN
MEMANAH TIGA KALI KE
ARAH TIMBUNAN BATU ITU
DAN AKAN MENYURUH
HAMBAKU Mencari
ANAK PANAHA ITU.



JIKA AKU BERKATA,
'LIHAT, ANAK PANAHA ITU
LEBIH DEKAT LAGI KE MARI,
AMBILLAH,' - ITU BERMAKNA
ENKAU SELAMAT.

TETAPI JIKA AKU
BERKATA, 'ANAK PANAHA
ITU LEBIH JAUH LAGI KE
SANA,' - ITU BERMAKNA
ENKAU HARUS
PERGI.

RAJA SAUL MENDIAMKAN DIRI PADA HARI PERTAMA
PERAYAAN TETAPI PADA HARI KEDUA, DIA BERTANYA.



MENGAPA DAUD
TIDAK HADIR
JAMUAN SEMALAM
DAN HARI INI?

DIA SUDAH MINTA IZIN
KEPADA SAYA UNTUK PERGI
KE BETLEHEM - UNTUK
MEMPERSEMBARKAN KORBAN
BERSAMA KELUARGANYA.



ANAK
HARAM
JADAH!

SEKARANG
BETA TAHU
BAHAWA ENKAU
MEMIHAK KEPADA
DAUD. ENKAU
MEMPERMALUKAN
BONDAMU DAN
DIRIMU SENDIRI!



SURUHLAH
ORANG Mencari DIA
DAN BAWANYA KE
SINI - DIA MESTI
MATI!





DAUD MELARIKAN DIRI DARIPADA SAUL KE NOB – BANDAR IMAM-IMAM, DI MANA DIA BERTEMU DENGAN IMAM AHIMELEKH.



MENGAPA KAMU KE SINI SEORANG DIRI?



SAYA DISERAH TUGAS OLEH RAJA DAN DILARANG UNTUK BERITAHU SESIAPA PUN TENTANG TUGAS ITU. OLEH ITU SAYA MENYURUH ANAK BUAH SAYA MENUNGU DI TEMPAT YANG LAIN.

TETAPI PENIPUAN DAUD AKAN MENDATANGKAN AKIBAT TERUK...

MAKANAN APA YANG ADA PADA TUAN SEKARANG?



SAYA TIDAK MEMPUNYAI ROTI BIASA, HANYA ROTI PERSEMBAHAN ADA -- KAMU BOLEH MENGAMBILNYA - ASALKAN ANAK BUAHMU TIDAK MELAKUKAN PERSETUBUHAN BARU-BARU INI.

ANAK BUAH SAYA SENTIASA TAHIR, WALAUPUN SEMASA MENJALANKAN TUGAS BIASA; APALAGI KALI INI APABILA KAMI MENJALANKAN TUGAS ISTIMEWA.



ADAKAH IMAM MENYIMPAN TOMBAK ATAU PEDANG? PERINTAH RAJA SANGAT MENDADAK SEHINGGA SAYA BERANGKAT DENGAN TERGESA-GESA DAN TIDAK SEMPAT MENGAMBIL APA-APA.


SAYA HANYA MENYIMPAN PEDANG GOLIAT, YANG ENKAU TELAH BUNUH DI LEMBAH ELA.



PEDANG ITULAH YANG TERBAIK DI SELURUH NEGERI; BERIKANLAH PEDANG ITU KEPADA KU!



PADA HARI ITU, DAUD MELARIKAN DIRI DARIPADA SAUL DAN PERGI KEPADA RAJA AKHIS, DI KOTA ORANG FILISTIN, UNTUK MENYEMBUNYIKAN DIRI DARIPADA SAUL.



KAMU **TIDAK BOLEH** BIARKAN ORANG INI HIDUP DENGAN KAMI – DIA ADALAH RAJA ORANG IBRANI!

BAWALAH DIA KEPADAKU DAN SAYA AKAN BUAT KEPUTUSAN.

DIALAH YANG ORANG RAMAI BERNYANYI, "RAJA SAUL MEMBUNUH BERIBU-RIBU ORANG MUSUH, TETAPI DAUD MEMBUNUH BERPULUH-PULUH RIBU ORANG MUSUH."



TETAPI DAUD TAHU DIA BERADA DI KAWASAN GOLIAT DAN DIANGGAP SEBAGAI MUSUH JADI DIA MEMIKIRKAN SUATU RANCANGAN...



MENGAPA KAMU MEMBAWA DIA KE SINI – ORANG ITU GILA!

TIDAK CUKUPKAH ORANG GILA DI SEKELILING BETA, SEHINGGA KAMU MEMBAWA SEORANG LAGI MENGHADAP BETA?



HARUSKAH ORANG GILA INI DATANG KE ISTANA?





DAUD MENINGGALKAN KOTA GAT DAN BERSEMBUNYI DI GUA DEKAT KOTA ADULAM. APABILA ABANG-ABANGNYA DAN SEMUA ANGGOTA KELUARGANYA MENDENGAR YANG DIA BERADA DI SITU, MEREKA DATANG KEPADANYA.



SEMUA ORANG YANG TERTINDAS, ATAU YANG MEMPUNYAI HUTANG, ATAU YANG BERASA TIDAK PUAS, BERGABUNG DENGAN DAUD, DAN DAUD MENJADI PEMIMPIN MEREKA. JUMLAH PENGIKUT DAUD KIRA-KIRA EMPAT RATUS ORANG.



DAUD MEMPUNYAI WARISAN MOAB DARIPADA NENEK-MOYANGNYA, RUT, JADI DIA MENGHADAP RAJA MOAB DAN MEMINTA PERLINDUNGAN UNTUK IBUBAPANYA.



SEPERTI MANA NABI SAMUEL TELAH MENOLONG DAN MENASIHATI SAUL, TUHAN MENGANTAR NABI GAD UNTUK MENASIHATI DAVID.

JANGAN TINGGAL DI GUA INI. PERGI DENGAN SEGERA KE TANAH YEHUDA.

SAYA AKAN PERGI DAN BERSEMBUNYI DI HUTAN KERET.





BETA SUDAH
KATA.... **BUNUH**
IMAM-IMAM INI
DAN KELUARGA
MEREKA.

TETAPI
TUANKU, MEREKA
ADALAH UTUSAN
KHAS ALLAH.



KAMU -
BUNUH
IMAM-IMAM
INI.



PADA HARI ITU, DOEG MEMBUNUH LAPAN PULUH
LIMA ORANG IMAM TERMASUK LELAKI, PEREMPUAN,
KANAK-KANAK SERTA BAYI DI KOTA ITU.



DAUD MENDENGAR BERITA INI.

DOEG TELAH
MEMBUNUH SEMUA
IMAM-IMAM NOB -
SELAMATKAN ABYATAR
YANG BERJAYA
MELARIKAN
DIRINYA.

KETIKA AKU LIHAT
DOEG HARI ITU, AKU
TAHU DIA PASTI AKAN
BERITAHU SAUL.

BAWALAH
ABYATAR
KEPADAKU.

ABYATAR TELAH MEMBAWA BERSAMANYA URIM DAN TUMIM.
IA DILETAK DI PENUTUP DADA SEORANG IMAM DAN DIGUNAKAN
UNTUK MENGETAHUI KEHENDAK ALLAH.



IA TIDAK DIKETAHUI SAMADADA INI MERUPAKAN BATU PERMATA
ATAU BATU YANG HITAM DI SATU SISI DAN PUTIH DI SISI YANG
LAIN, YANG AKAN MEMBERI JAWAPAN YA ATAU TIDAK KEPADA
SOALAN TERTENTU.



ATAU MUNGKIN IA ADALAH BATU
DENGAN HURUF-HURUF IBRANI
YANG AKAN MENGEJA PESANAAN
KEPADA IMAM-IMAM.



APA-APA PUN, TUHAN TELAH
MEMBERI INI SEBAGAI CARA
UNTUK PEMIMPIN-PEMIMPIN
MENCARI KEHENDAK ALLAH.

IA MERUPAKAN SATU
BENTUK RAMALAN
YANG TUHAN
BENARKAN DALAM
PERJANJIAN LAMA.



"LETAKKAN URIM DAN TUMIM DALAM PENUTUP DADA ITU SUPAYA
IA DAPAT DIBAWA OLEH HARUN APABILA DIA MASUK KE HADIRAT-KU
YANG SUCI. PADA SAAT-SAAAT SEPERTI ITU DIA MESTI SENTIASA
MEMAKAI PENUTUP DADA ITU UNTUK MENGETAHUI
KEHENDAK-KU BAGI UMAT ISRAEL."

KETIKA DI KUBUNYA, DAUD MENERIMA BERITA BAHAWA ORANG FILISTIN TELAH MENYERANG SEBUAH BANDAR YAHUDI BERDEKATAN. SELEPAS RUNDINGAN DENGAN URIM DAN THUMMIN, DIA MEMBERI PERINTAH...



DAUD DAN ANAK-ANAK BUAHNYA MENYELAMATKAN PENDUDUK KOTA ITU.



TETAPI RAJA SAUL JUGA DIBERITAHU BAHAWA DAUD SUDAH PERGI KE KEHILA...



SEKARANG ALLAH TELAH MENYERAHKAN DAUD KE DALAM TANGANKU. DAUD SUDAH TERPERANGKAP KERANA TELAH MASUK KE DALAM KOTA YANG BERTEMBOK DAN MEMPUNYAI PINTU GERBANG YANG BERPALANG.

INI TERLALU SENANG.



SAUL TELAH MEMANGGIL SEMUA TENTERANYA DAN DALAM PERJALANANNYA UNTUK MEMBURU KAMU.

PANGGIL ABYATAR. SAYA PERLU BERTANYA KEPADA TUHAN SAMA ADA RAKYAT KEHILA AKAN MENYERAH-KU KEPADA SAUL.



ORANG KEHILA TIDAK AKAN INGAT YANG KAMU TELAH MEMBEBAKAN MEREKA.

MEREKA AKAN MENYERAHKAN ENGGAU KEPADA RAJA SAUL.

KITA HARUS PERGI SEKARANG.

DAUD BERSEMBUNYI DI TEMPAT PERLINDUNGAN DI BUKIT-BUKIT,
DI PADANG GURUN UNTUK MENYEMBUNYIKAN DIRI DARIPADA SAUL.

TETAPI PADA SUATU HARI, DAUD
MENERIMA SUATU LAWATAN YANG
MENGEJUTKAN...

ANAK RAJA DATANG,
KAMI TELAH MENGAMBIL
PEDANGNYA.

ADA PESANAN YANG SAYA
PERLU KONGSIKAN DENGAN
KAMU – DENGAN PERIBADI.

DAUD – JANGAN!
BAPANYA SAUL TELAH
MENGHANTARNYA
UNTUK MEMERANGKAP
KAMU.

TIDAK. YONATAN
TELAH MENYELAMKAN
SAYA DULU – DIA AKAN
MELINDUNGI-KU.

JANGAN TAKUT, ENKAU TIDAK
AKAN JATUH KE TANGAN
BAPAKU.

KATA-KATA MU
MEMBERI GALAKKAN KE
PADA-KU – IA BAGAI
PESANAN DARI
TUHAN SENDIRI.

ENKAU AKAN MENJADI RAJA
ISRAEL DAN AKU AKAN
MENDAPAT KEDUDUKAN
DI BAWAHMU.

MUNGKIN
BEGITU.

TETAPI TERDAPAT SATU KUMPULAN YANG TIDAK
MEMPEDULIKAN KESELAMATAN DAUD...



SAUL TIDAK MELENGAHKAN MASA. DIA MEMILIH
TIGA RATUS ORANG ASKAR YANG TERBAIK, LALU
BERANGKAT Mencari DAUD.



KITA AKAN BERHENTI
DI SINI SEBENTAR, SAYA
INGIN MASUK KE DALAM
GUA DI SITU UNTUK
URUSAN PERIBADI.



INILAH KESEMPATAN TUAN. BUKANKAH TUHAN
SUDAH BERFIRMAN KEPADA TUAN, "MUSUH-MU
AKAN KUSERAHKAN KEPADAMU, BUATLAH
SESUKA HATIMU TERHADAP DIA."



INILAH
KEPANASAN
LAKNAT GURUN
YAHUDI...

DENGAN DIAM, DAUD
MEMOTONG SEDIKIT
DARIPADA TEPI JUBAH
RAJA SAUL.



KAMI BOLEH
MEMBUNUHNYA
DENGAN SATU
PUKULAN.

TIDAK! SAYA PUN
TIDAK PATUT
MENYENTUH
JUBAHNYA.



TUANKU TELAH BIARKAN
MUSUH-MU MELARIKAN DIRI
DENGAN SELAMAT. DIA CUBA
MEMBUNUH TUAN.

AKU TIDAK BOLEH
MENYENTUH RAJA INI
SEKALI PUN -- KERANA RAJA
INI TELAH DIPILIH
OLEH TUHAN.





TUANKU!



MENGAPA TUANKU DENGARKAN CAKAP-CAKAP ORANG YANG MENGATAKAN BAHAWA HAMBA HENDAK MENCELAKAKAN TUANKU?

HAMBA TELAH DISURUH OLEH BEBERAPA ANAK BUAH HAMBA UNTUK MEMBUNUH TUANKU - TETAPI HAMBA MENOLAK, HAMBA TIDAK MAHU MENYAKITI RAJA YANG DIPILIH OLEH TUHAN.



LIHAT - POTONGAN DARI JUBAH TUANKU!

MENGAPA TUANKU MENGEJAR-NGEJAR HAMBA? HAMBA HANYA BAGAI SEEKOR ANJING MATI - ATAU SEEKOR KUTU.



BENARKAH KAMU INI DAUD, ANAKKU?

MEMANG KAMULAH YANG BENAR DAN BETA BERSALAH. KAMU TELAH MELAYAN BETA DENGAN BEGITU BAIK - WALAUPUN BETA TELAH MELAYANIMU DENGAN JAHAT.

KAMU TIDAK MEMBUNUH BETA WALAUPUN TUHAN TELAH MENYERAHKAN BETA KEPADAMU - MOGA TUHAN MEMBERKATI KAMU KERANA PERBUATANMU YANG BAIK TERHADAP BETA PADA HARI INI.



BETA YAKIN BAHAWA KAMU AKAN MENJADI RAJA ISRAEL.

SEKARANG BERJANJILAH DEMI TUHAN YANG KAMU TIDAK AKAN MEMBUNUH KETURUNAN BETA DAN TIDAK AKAN MENGHAPUSKAN NAMA KELUARGA BETA.

RAJAKU, HAMBA BERJANJI.





SUPERBIBLE.TV